



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 1 September 2023

Nestlé Malaysia Lantik Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin Sebagai Ahli Lembaga Pengarah

PETALING JAYA, 1 September 2023 – Nestlé (Malaysia) Berhad hari ini mengumumkan pelantikan Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dalam Lembaga Pengarah syarikatnya, berkuat kuasa 1 Oktober 2023.

Tan Sri Wan Zulkiflee mempunyai pengalaman luas menjangkau lebih 40 tahun dalam jawatan kepimpinan di syarikat-syarikat terkemuka termasuk PETRONAS, Malaysia Airlines Berhad dan Malaysia Aviation Group Berhad. Pengalaman kerjanya yang luas meliputi pelbagai bidang termasuk pengurusan, pembangunan kepimpinan, kewangan, hal-ehwal kawal selia dan ekonomi. Beliau juga pernah menganggotai Jawatankuasa Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan Majlis ASEAN bagi Petroleum. Tan Sri juga merupakan ahli Lembaga Pengawasan Inisiatif Sistem bagi Membentuk Masa Depan Tenaga di bawah Forum Ekonomi Dunia (WEF), Forum Gabenor Minyak & Gas WEF dan Kumpulan Bertindak Minyak & Gas WEF. Beliau kini memainkan peranan sebagai pengerusi Lembaga DRB-HICOM Berhad dan Gas Malaysia Berhad.

Di samping pengalamannya yang luas dalam dunia korporat, Tan Sri Wan Zulkiflee turut memberikan sumbangan besar dalam dunia akademik. Beliau kini berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Razak School of Government, Lembaga Gabenor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dan Profesor Adjung di Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan UIAM. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Pro Canselor Universiti Teknologi PETRONAS, ahli Majlis Penasihat Institut Tadbiran

Awam (INTAN), dan Penasihat Industri bagi Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia.

Tan Sri Wan Zulkiflee memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dari University of Adelaide, Australia. Beliau menamatkan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School dan menerima Fellowship Kehormat daripada Institusi Jurutera Kimia, United Kingdom.

Berbekalkan pengalaman yang luas dan kewibawaannya yang terbukti, Kumpulan yakin bahawa pelantikan Tan Sri Wan Zulkiflee sebagai ahli Lembaga Pengarah akan memberikan manfaat yang besar dalam menyokong usaha Kumpulan mencapai pertumbuhan lestari.

###

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456
+6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Sonya Ambi atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+6012-628 9733 (Sonya) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my